

## MODENISASI BAHASA DI KALANGAN GEN Z

Nur Azlina binti Jalaluddin<sup>1</sup>  
Nurhasyinda binti Shahidan<sup>2</sup>  
*Kolej Komuniti Kuala Langat*

### ABSTRAK

Generasi Z (Gen Z) dikenali sebagai iGeneration, generasi internet atau generasi net. Golongan ini dilihat sebagai pengguna bahasa moden dalam era globalisasi ini. Bersangkutan dengan isu ini, kualiti keaslian Bahasa Melayu semakin dipinggirkan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pelbagai perkataan baru yang diwujudkan di kalangan Gen Z seperti *viral*, *selfie*, *hipster*, *hashtag* dan pelbagai lagi. Selain itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan penggunaan kata ini terhadap bidang pendidikan khususnya aspek bahasa. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar Kolej Komuniti Kuala Langat, Banting, Selangor. Metodologi kajian ini adalah berasaskan kajian pustaka, temubual dan observasi penyelidik terhadap pergaulan dan perbualan responden kajian. Justeru, impak pertama kajian ini dilihat dapat memberi penambahbaikan terhadap silibus kursus Bahasa Kebangsaan A (MPU 1212). Kursus ini merupakan modul pra syarat bagi pelajar yang tidak memperolehi keputusan kredit dalam subjek Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Impak kedua, modenisasi bahasa ini juga dapat digunakan oleh pendidik untuk mewujudkan keserasian dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Impak terakhir ialah mewujudkan kesedaran Gen Z terhadap ketepatan penggunaan kata baharu yang mereka gunakan dalam kehidupan seharian.

**Kata kunci:** *Modenisasi, Bahasa, Kata Baru, Gen Z*

### PENDAHULUAN

Perubahan perkembangan teknologi komunikasi melalui aplikasi WhatApps, WeChat, Instagram, Facebook dan pelbagai lagi menjadikan Generasi Z (Gen Z) terkesan dalam komunikasi harian. Menurut Don Tapscott dalam bukunya *Grown Up Digital*, Gen Z ditakrifkan sebagai generasi yang lahir pada 1998 hingga 2009. Gen Z dilihat sebagai generasi teknologi yang mula didedahkan dengan internet dan web walhal masih belum mula bercakap lagi. Dalam erti lain, Gen Z membesar di dalam dunia yang kini berhubung menerusi teknologi ciptaan manusia yang semakin berkembang. Kepesatan teknologi masa kini sebagai alat komunikasi yang lebih bersifat nyata dan realistik menjadi kelebihan kepada Gen Z. Mereka sering berada dalam dunia maya dan boleh berhubung ke seluruh pelusuk dunia tanpa had dan batasan. Namun, golongan ini tidak menguasai dari segi ekspresi, komunikasi lisan, keyakinan dan kemahiran interpersonal dengan baik. Gen Z ini digolongkan ke arah individualistik di dalam kehidupan mereka serta memiliki ciri-ciri tersendiri berlainan dengan norma-norma sosial yang biasa.

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Kolej Komuniti Kuala Langat 019-6219389, ieyna\_azlina@kkkla.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah, Kolej Komuniti Kuala Langat 012-3303256, nurhasyinda@kkkla.edu.my


## MODENISASI BAHASA

Modenisasi bahasa turut terpalit seiring ledakan teknologi dan globalisasi kini yang disaratkan dengan pelbagai aplikasi melalui komputer dan telefon pintar. Teori modenisasi digunakan untuk menerangkan suatu proses yang membabitkan komuniti atau masyarakat dalam pembangunan kemodenan. Teori ini digunakan untuk menjelaskan mengenai perubahan yang berlaku terhadap masyarakat akibat perubahan teknologi yang begitu pesat dan pantas (Anderson, Margaret L. & Taylor, Howard F). Kini, bahasa yang digunakan oleh Gen Z semakin merendahkan taraf bahasa di mana penggunaan bahasa moden yang mengandungi bahasa rojak, bahasa basahan dan kerancuan bahasa digunakan secara berleluasa. Perkara ini menjadi isu yang perlu diberi perhatian kerana ianya amat membimbangkan kerana bahasa ibunda yang indah kian dilupakan dan semakin kurang penggunaannya dalam pertuturan seharian.

## LATAR BELAKANG MASALAH


Merujuk Rajah 1, bahasa moden yang dipaparkan tidak difahami kerana pengguna media sosial ini menggunakan bahasa baru dan ianya tidak lazim dituturkan di kalangan masyarakat secara umum. Maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pengguna ini adalah “Adakah aku yang bersalah dengan apa yang terjadi? Patutkah aku minta maaf kat mereka. Semuanya aku yang dipersalahkan. Macam mereka tak de buat salah apa-apa pun...”. Hal ini menunjukkan pengguna menggunakan bahasa yang tidak tepat dan memberi kesan kepada Bahasa Melayu secara keseluruhannya.

**Rajah 1 : Petikan modenisasi bahasa 1**



Selain itu, Rajah 2 juga memaparkan penggunaan bahasa baru dan singkatan bahasa yang salah dan mengelirukan pembaca. Dapat disimpulkan bahawa penulis teks ini “ ingin membeli produk shaklee dan bertanyakan berkaitan produk kepada pembeli”. Penggunaan bahasa moden ini telah meminggirkan prinsip bahasa sekaligus merosakkan bahasa.

**Rajah 2 : Petikan modenisasi bahasa 2**



### Rajah 3 : Petikan situasi

Pensyarah : Pelajar, sila pastikan awak semua menyiapkan projek Pengendalian Peruncitan yang akan dibentangkan pada 16 Februari 2017. Kalau ada masalah, boleh jumpa saya nanti.

Selain itu, observasi yang dijalankan penyelidik mendapati pensyarah tidak mengetahui dan memahami kata yang disampaikan oleh pelajar. Contoh seperti situasi di atas (Rajah 3), pensyarah tidak dapat memahami bahasa atau kata PPR tersebut. PPR yang dimaksudkan oleh pelajar adalah 'pa per roger' di mana maksud sebenar ialah sekiranya pelajar mempunyai masalah berkaitan projek, mereka akan merujuk pensyarah dengan segera. Ini merupakan salah satu modenisasi bahasa yang digunakan oleh pelajar semasa sesi PdP. Pelajar kerap memodenkan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam komunikasi harian mereka akibat terpengaruh dengan bahasa yang sering digunakan di media sosial.

#### **OBJEKTIF KAJIAN**

- i) Mengenal pasti pelbagai Bahasa Moden di kalangan gen Z.
- ii) Mengenalpasti punca penggunaan Bahasa Moden di kalangan gen Z.
- iii) Mengenalpasti kesan penggunaan Bahasa Moden terhadap bidang pendidikan.

#### **PERSOALAN KAJIAN**

- i) Apakah pelbagai Bahasa Moden di kalangan gen Z?
- ii) Mengenalpasti punca penggunaan Bahasa Moden di kalangan gen Z.
- iii) Apakah kesan penggunaan Bahasa Moden terhadap bidang pendidikan?

#### **LITERATUR KAJIAN**

Modenisasi Bahasa di kalangan gen Z merupakan perkara yang kerap dibahaskan dewasa ini. Modenisasi bahasa turut merujuk kepada pencemaran bahasa yang telah berlaku dalam masyarakat hari ini. Nik Safiah Karim (1986) mendefinisikan pencemaran bahasa sebagai penggunaan bahasa yang melanggar peraturan-peraturan bahasa yang telah dipersetujui, sama ada pada peringkat sebutan, pilihan kata atau susunan frasa dan ayat. Kesilapan dalam penggunaan bahasa Melayu telah menyimpang daripada penggunaan umum yang biasa dipakai bukanlah sesuatu perkara yang baharu.

Pencemaran Bahasa telah menyebabkan berlakunya kerancuan bahasa dalam masyarakat hari ini terutamanya gen Z. Menurut Rozali Rajab (2012), kerancuan bahasa meliputi kecelaruan, kekacauan, pencemaran, kesalahan dan kesilapan yang mengacu kepada bahasa memberikan makna yang sama. Berdasarkan pendapat di atas dapatlah disimpulkan bahawa definisi kerancuan bahasa ialah kekacauan bahasa akibat kekeliruan oleh pengguna bahasa. Perkataan-perkataan yang sinonim dengannya ialah kecelaruan, kesalahan dan kesilapan dalam penggunaan bahasa dalam bentuk berkomunikasi dan penulisan bahasa Melayu. Kerancuan yang sering berlaku termasuklah kerancuan daripada aspek sebutan, ejaan, istilah, kosa kata, tatabahasa dan laras Bahasa, (Khaidir, 2013).

Modenisasi bahasa di kalangan gen Z turut berlaku kerana penggunaan bahasa slanga, bahasa rojak dan bahasa singkatan. Bagi Nik Safiah Karim (2010), terdapat penggunaan

bahasa ringkas secara berleluasa berbanding dengan bahasa standard sebenar kerana penerimanya lebih selari dengan aliran kini. Akibatnya remaja kurang berminat untuk berkomunikasi melalui bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris terutama bahasa Melayu yang memiliki tatabahasa dan frasa lebih tersusun. Penggunaan bahasa yang tidak teratur dan sifat bahasa yang ringkas ini dikhuatiri boleh melanggar kemurnian dan keaslian Bahasa.

Hasil kajian Sumitra dan Saibal (2009) mendapati bahawa bentuk singkatan yang digunakan dalam SMS dikatakan banyak menjimatkan ruang dan masa. Responden menggugurkan vokal atau huruf-huruf tertentu, menggunakan angka atau huruf tunggal bagi menggantikan seluruh perkataan atau bunyinya. Misalnya “b4” untuk “before”, “8” untuk “at” dan “gr8” untuk “great”. Mesej melalui SMS didapati tidak formal dan dikaitkan dengan struktur bahasa yang lemah.

Menurut artikel Muhammad Daud (2014), bahasa slanga ialah bahasa yang digunakan oleh satu kelompok manusia dan hanya kelompok tersebut sahaja yang memahaminya serta dianggap bahasa yang tidak rasmi. Dalam mencipta bahasa slanga, mungkin si pencipta tidak sedar antara kaitan bahasa slanga yang dicipta dengan maksud yang sebenar kerana penciptaan itu mungkin dilakukan secara spontan. Namun demikian, lama-kelamaan bahasa slanga itu terus berkembang dan digunakan oleh remaja-remaja lain. Penggunaan bahasa slanga dikatakan dapat meringkaskan urusan kehidupan mereka termasuk dalam soal menyebut sesuatu istilah.

Kajian daripada Doring (2002) mendapati data dan pemerhatian yang menarik tentang perkembangan penggunaan kata singkatan yang begitu meluas dalam teks pesanan ringkas. Data tersebut diperolehi daripada 1000 teks SMS yang dikumpul daripada seramai 124 orang pelajar. Penggunaan telefon pintar dan peningkatan penggunaan SMS dalam komunikasi telah memberi kesan terhadap tahap penulisan pelajar. Pelajar dikatakan gemar menggunakan perkataan ringkas, ayat mudah dan perbendaharaan kata terhad. Selain itu, semasa sesi PdP, pelajar sering terpengaruh dengan ejaan yang digunakan dalam bahasa teknologi digital (Raishah Abd Hamid, 2010). Tahap komunikasi masyarakat menurun dan terjejas rentetan penggunaan alat teknologi semasa berkomunikasi setiap hari.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mengumpul data yang diperlukan untuk kajian ini. Pendekatan kualitatif yang digunakan terdiri daripada (i) kajian pustaka, (ii) observasi terhadap responden kajian dan (iii) temubual untuk mengetahui penggunaan bahasa di kalangan responden. Pendekatan ini adalah relevan dengan bentuk kajian yang dilakukan bagi memperoleh dapatan kajian. Responden kajian adalah seramai 56 pelajar Kolej Komuniti Kuala Langat iaitu gen Z yang berumur sekitar 18 hingga 20 tahun. Gen Z dipilih kerana penularan pencemaran bahasa dilihat semakin berleluasa di kalangan mereka. Responden dikumpulkan mengikut kelas masing-masing dan diminta untuk menyenaraikan kata dan bahasa yang sering digunakan dalam komunikasi seharian. Mereka juga diminta untuk menyatakan maksud kata dan bahasa yang disenaraikan. Sebanyak 372 kata yang telah dikumpulkan dan dijadikan data mentah kajian. Berdasarkan saringan data yang diperolehi, penyelidik mendapati terdapat banyak kata yang sama bagi responden yang berlainan dan terdapat kata yang tidak memenuhi kehendak kajian. Oleh itu, hanya 110 kata telah dipilih. Semua dapatan kajian telah dianalisis dan ditunjukkan seperti di Jadual 2 hingga Jadual 7. Selain itu, bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian ini,

penyelidik telah menjalankan sesi temubual bersama 35 responden. Ini adalah bertepatan dengan pendapat (Mack et al, 2005) iaitu temu bual secara mendalam perlu dilakukan untuk mengutip data bagi menyokong sesuatu kajian. Penyelidik telah menjalankan observasi terhadap responden selama dua bulan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Setiap kata moden yang tidak diketahui dan difahami oleh penyelidik akan dicatatkan untuk menyemak maksud kata tersebut. Kajian ini turut disokong melalui kajian perpustakaan bagi mengukuhkan lagi dapatan yang diperolehi. Maklumat-maklumat diperolehi daripada pelbagai sumber seperti buku, jurnal, blog dan laman web. Maklumat-maklumat ini dikumpul dan disaring bagi mencapai objektif kajian.

## DAPATAN KAJIAN

### Objektif 1: Mengenal pasti modenisasi bahasa di kalangan gen Z

Jadual 1 menunjukkan rumusan kepada Jadual 2 hingga Jadual 7 mengikut kategori masing-masing dan dihuraikan seperti berikut:

**Jadual 1: Rumusan jadual**

JADUAL	NAMA JADUAL	HURAIAN
Jadual 2	Bahasa Moden & Slanga : Kata lazim yang sepadan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• lazim digunakan</li> <li>• mempunyai takrif dalam DBP</li> <li>• sepadan dengan maksud yang diberikan oleh responden</li> </ul>
Jadual 3	Bahasa Moden & Slanga : Kata lazim yang tidak sepadan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• lazim digunakan</li> <li>• mempunyai takrif dalam DBP</li> <li>• tidak sepadan dengan maksud yang diberikan oleh responden</li> </ul>
Jadual 4	Bahasa Moden & Slanga : Kata baru bertakrif DBP dan tidak sepadan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak lazim digunakan oleh generasi lain</li> <li>• mempunyai takrif dalam DBP</li> <li>• tidak sepadan dengan maksud yang diberikan oleh responden</li> </ul>
Jadual 5	Bahasa Moden & Slanga : Kata baru tidak bertakrif DBP	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak lazim digunakan oleh generasi lain</li> <li>• tidak ditemui dalam DBP</li> <li>• tidak sepadan dengan maksud yang diberikan oleh responden</li> </ul>
Jadual 6	Penggunaan Kata Singkatan Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai padanan Bahasa Melayu</li> </ul>
Jadual 7	Penggunaan Kata Singkatan Bahasa Inggeris	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai padanan Bahasa Inggeris</li> </ul>

Jadual 2 menunjukkan penggunaan bahasa moden dan slang di kalangan responden. Kata bilangan 1 hingga 4 jelas menunjukkan responden mengetahui maksud yang dituturkan kerana penyelidik menemui padanan maksud yang tepat seperti di dalam laman web Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Oleh kerana modenisasi bahasa tersebut, pihak DBP telah mengumumkan beberapa penggunaan kata baru sejak Disember 2016. (Rujuk Rajah 4).

#### Rajah 4 : Senarai Perkataan Baharu yang diumumkan oleh DBP



**Jadual 2: Bahasa Moden & Slanga : Kata lazim yang sepadan**

BIL	KATA	MAKSUD DIBERIKAN OLEH RESPONDEN	DEWAN BAHASA PUSTAKA	PADANAN
1	Blah	pergi	pergi	√
2	Ngam	sesuai	cukup-cukup, padan	√
3	Viral	tersebar	tular	√
4	Selfie	ambil gambar diri sendiri	swafoto	√

Merujuk kepada Jadual 3, penyelidik mendapati responden menggunakan kata yang sering didengari dan digunakan umum, namun responden selaku gen Z mempunyai maksud yang tersendiri di kalangan mereka. Sebagai contoh; kata bajet bermaksud belanjawan, namun gen Z memaksudkan kata tersebut sebagai 'poyo'. Setelah diteliti, 'poyo' tidak terdapat di dalam Kamus Dewan tetapi menurut Wikipedia pula, poyo belum mempunyai takrifan khusus dan tepat. Penggunaannya membawa maksud seseorang yang mempunyai watak hambar, tidak asli, sedikit menjengkelkan dan merasakan diri sendiri adalah bagus.

**Jadual 3: Bahasa Moden & Slanga : Kata lazim yang tidak sepadan**

BIL	KATA	MAKSUD DIBERIKAN OLEH RESPONDEN	DEWAN BAHASA PUSTAKA	PADANAN
1	Doh	bodoh/ayat penyedap	adunan tepung	x
2	Paying	belanja	alat	x
3	Bajet	poyo	belanjawan	x
4	Goyang	Tak takut	berayun	x
5	Acah	berlagak	bermain-main, bersenda-senda	x
6	Bingai	serabai	bodoh	x
7	Jakun	tak pernah nampak sesuatu	penduduk asli	x
8	Sengal	macam bodoh-bodoh	penyakit sendi	x
9	Koyak	marah/sentap/sedih	robek	x
10	like my status	Terma 'like"dalam	suka taraf / kedudukan	x

BIL	KATA	MAKSUD DIBERIKAN OLEH RESPONDEN	DEWAN BAHASA PUSTAKA	PADANAN
		facebook & instagram	saya	
11	Menganjing	memerli	tidak ditemui	x
12	Hipster	Mengikut perkembangan semasa	Istilah untuk seluar, skirt dan tali pinggang yang dipakai di bawah garis pinggang.	x

Seterusnya kata bilangan 1 hingga 19 dalam Jadual 4 menunjukkan modenisasi bahasa di kalangan gen Z yang sangat ketara di mana kata-kata tersebut kerap digunakan di kalangan mereka dan mempunyai maksud yang berbeza sama sekali dengan maksud yang terdapat di dalam kamus DBP. Misalnya, kata gebang yang membawa maksud sembang mengikut kamus DBP. Sebaliknya, responden selaku gen z mengertikan gebang sebagai tipu.

**Jadual 4: Bahasa Moden & Slanga : Kata baru bertakrif DBP dan tidak sepadan**

BIL	KATA	MAKSUD DIBERIKAN OLEH RESPONDEN	DEWAN BAHASA PUSTAKA	PADANAN
1	aku hayun nanti	niat bergurau	maksud hayun: perlakuan/perbuatan	x
2	kerek	muka belagak	alat untuk menaikkan atau menurunkan barang-barang	x
3	ek	ya	berlagak	x
4	Barai	Mengantuk/penat	bertebaran, bertaburan	x
5	dab	tarian ultraman	biawak	x
6	jambu	muka lembut	buah	x
7	lepu weh	letih	ikan laut	x
8	bangok	bangang & bongok	kacang parang	x
9	sap	kejap	kain untuk keringkan dakwat	x
10	korok	blah la kau	kerongkong	x
11	sakai	selekeh	ketua orang sakai, tok batin	x
12	sawer	share/kongsi	mengutip wang daripada penonton	x
13	membongak	menipu	menyombong	x
14	Palau	Tak dilayan	parut	x
15	boya	apa benda	pelampung	x
16	karok	karaoke	sawang	x
17	gebang	tipu	sembang	x
18	batak	berlagak	suku bangsa orang asli	x
19	my bad	minta maaf secara senyap	tidak baik	x

Setelah meneliti dan mengkaji Jadual 5, penyelidik mendapati kata bilangan 1 hingga 44 iaitu sebanyak 44 modenisasi bahasa telah diwujudkan oleh gen Z tetapi tidak memberi maksud dalam kamus DBP. Perkara ini amat serius dan membimbangkan golongan pendidik dan pakar bahasa khususnya dalam pembinaan modal insan berkualiti kepada negara. Bahasa moden ini sengaja diwujudkan oleh mereka tanpa mengetahui maksud tetapi ingin kelihatan mengikut peredaran semasa.

**Jadual 5: Bahasa Moden & Slanga : Kata baru tidak bertakrif DBP**

<b>BIL</b>	<b>KATA</b>	<b>MAKSUD DIBERIKAN OLEH RESPONDEN</b>	<b>DEWAN BAHASA PUSTAKA</b>	<b>PADANAN</b>
1	Pishang	Bosan	tidak ditemui	x
2	Sembang padu	cerita gempak	tidak ditemui	x
3	mental koyak	bila orang bergurau dia nak serius je	tidak ditemui	x
4	cia cia	pickup line	tidak ditemui	x
5	otoke	alamak/macam mana ni	tidak ditemui	x
6	choi	celupar/apa benda tu/menyumpah	tidak ditemui	x
7	manoi	mana	tidak ditemui	x
8	lampi	lambat pickup	tidak ditemui	x
9	sapoik	sape	tidak ditemui	x
10	gahai	rupa buruk	tidak ditemui	x
11	merecik hawau	macam terpegun/gempak	tidak ditemui	x
12	kiyok	penat	tidak ditemui	x
13	xoxox	kisses & hug; penutup ayat	tidak ditemui	x
14	keek	penat	tidak ditemui	x
15	yolo	say hi	tidak ditemui	x
16	yip yip	sokong	tidak ditemui	x
17	walaweh	hebat	tidak ditemui	x
18	chaw lu	nak pergi dulu	tidak ditemui	x



<b>BIL</b>	<b>KATA</b>	<b>MAKSUD DIBERIKAN OLEH RESPONDEN</b>	<b>DEWAN BAHASA PUSTAKA</b>	<b>PADANAN</b>
19	beb	panggil orang	tidak ditemui	x
20	lek lu	lepas dulu	tidak ditemui	x
21	titew	kita	tidak ditemui	x
22	abunk	abang	tidak ditemui	x
23	aq	aku	tidak ditemui	x
24	awuck	awak	tidak ditemui	x
25	grrr	geram	tidak ditemui	x
26	bhai	penyedap ayat	tidak ditemui	x
27	mengelezon	mengelabah	tidak ditemui	x
28	cer ber	ok ke tak	tidak ditemui	x
29	cer	cuba	tidak ditemui	x
30	krik krik	tiada jawapan bagi soalan yang ditanya	tidak ditemui	x
31	yunk	sayang	tidak ditemui	x
32	sis	kakak	tidak ditemui	x
33	aku taaa kau	aku lempang kau	tidak ditemui	x
34	Raver	sebuah tarian	tidak ditemui	x
35	waddup	apa khabar/say hi	tidak ditemui	x
36	up!	sokong	tidak ditemui	x
37	hashtag	#	tidak ditemui	x
38	chikaro	gadis	tidak ditemui	x
39	siot	entah apa-apa	tidak ditemui	x
40	LOL	bodoh/laugh out loud	tidak ditemui	x

BIL	KATA	MAKSUD DIBERIKAN OLEH RESPONDEN	DEWAN BAHASA PUSTAKA	PADANAN
41	noob	lembap	tidak ditemui	x
42	hongokmu	kepala otak ko	tidak ditemui	x
43	jilake	celaka	tidak ditemui	x
44	Wefie	Ambil gambar sendiri beramai-ramai	Tidak ditemui	x

Merujuk kepada Jadual 6, responden menggunakan kata bilangan 1 hingga 5 untuk mengurangkan penggunaan suku kata dan tidak mengikut piawai prinsip sebutan. Contohnya; ‘cam’ yang berpadanan dengan ‘macam mana’, tiga suku kata disingkirkan iaitu (1)ma, (2)ma dan (3)na. Contoh lain pula, kata ‘jap gi’ berpadanan dengan ‘sekejap lagi’. Responden telah melupuskan suku kata (1) se, (2) ke dan (3) la. Bukan itu sahaja, kata ‘nape’ yang berpadanan dengan ‘kenapa’ menunjukkan responden mengurangkan suku kata ‘ke’. Responden turut menambah vokal e dalam kata tersebut dan ini terbukti melanggar prinsip bahasa baku. Selain itu, kata ‘wat pe’ pula menunjukkan padanan kepada ‘buat apa’. Kata ini menggugurkan konsonan b dan vokal u serta a. Dalam konteks ini, responden turut meletakkan konsonan w menyebabkan kata ini moden tetapi tidak bertepatan dengan Bahasa Melayu. Begitu juga dengan kata ‘cer cite’ yang padan dengan ‘cuba cerita’. Penyelidik mendapati responden telah mengubah kata ‘cuba’ kepada ‘cer’ seakan-akan satu kata yang sinonim. Kata ‘cerita’ pula, responden membuang vokal e dan konsonan r tetapi menambah vokal e di hujung kata yang tidak memenuhi kehendak bahasa baku.

**Jadual 6: Penggunaan Kata Singkatan Bahasa Melayu**

BIL	KATA	PADANAN
1	siyes ahh	serius lah
2	cam	macam mana
3	pahal	apa hal
4	jap gi	sekejap lagi
5	nape	kenapa
6	wat pe	buat apa
7	cer cite	cuba cerita

Berdasarkan Jadual 7, kata bilangan 1 hingga 11, responden menggunakan kata singkatan Bahasa Inggeris dengan mengambil semua huruf awalan kata. Mereka menggunakannya dalam komunikasi harian semasa bertutur dan berhubung di media sosial. Contohnya; kata ‘asap’ yang bermaksud *as soon as possible*. Seterusnya, kata bilangan 12 hingga 21 menunjukkan responden menyingkatkan kata Bahasa Inggeris menggunakan ejaan yang salah tetapi masih boleh difahami dan diagak maksud yang ingin disampaikan. Contohnya; kata dongivap yang berpadanan dengan *don't give up* yang bermaksud jangan berputus asa. Manakala, kata bilangan 22 dan 23 menunjukkan kata singkatan yang tidak difahami maksudnya kerana pengguguran konsonan dan vokal yang tidak bertepatan seperti ‘ppr’

menggugurkan vokal a, e dan o serta konsonan g dan r. Kata ‘qt’ di bilangan 24 pula menunjukkan penambahan konsonan q yang tidak berkaitan dengan kata *cute* yang ingin disampaikan. Ditambah pula dengan pengguguran vocal e dan u.

**Jadual 7: Penggunaan Kata Singkatan Bahasa Inggeris**

BI L	KATA	PADANAN
1	otp	on the phone
2	otw	on the way
3	gn	good night
4	gtg	got to go
5	gws	get well soon
6	idk	I don't know
7	brb	be right back
8	bbs	be back soon
9	bbt	be back late
10	ttyl	talk to you later
11	asap	as soon as possible
12	kipidap	keep it up
13	dongivap	don't give up
14	gomen	government
15	fesbuk	facebook
16	ohsem	awesome
17	sis	kakak
18	gojes	gorgeous
19	lebiu	love you
20	nite	Good night
21	Bro / brader	Abang
22	jkjk	joke joke
23	ppr	paper roger
24	qt	cute

## **Objektif 2: Mengenalpasti Punca Penggunaan Bahasa Moden Di Kalangan Gen Z.**

**Rakan Sebaya:** Menurut Fazren (2011), pengaruh daripada rakan sebaya mampu mempengaruhi penggunaan bahasa moden dan bahasa singkatan dalam komunikasi harian. Hal ini kerana remaja mudah dipengaruhi akibat tidak pasti dengan identiti mereka sendiri. Mereka sering mengikut dan mengulang kembali sebarang tingkah laku rakan mereka supaya dipandang mengikut perkembangan semasa.

**Media Sosial:** Medium yang menjadi bahan untuk menyampaikan maklumat dan menjadi kegilaan remaja seperti blog, WhatsApp, Twitter, Instagram, WeChat dan Facebook yang digunakan untuk berhubung antara satu sama lain dan secara langsung telah mengembangkan lagi bahasa slanga dengan lebih mudah. Menurut Zaidi Ismail (2012), media baharu ini lebih bersifat peribadi dan pembina media itu sendiri yang menentukan bahasa dan kualitinya. Hal ini bermakna, pengguna berkuasa menentukan bahasa yang diguna pakai. Bahasa ibunda secara keseluruhan tidak dipinggirkan tetapi dimodenkan dan

membawa maksud yang tidak tepat. Akibatnya, kualiti bahasa itu sendiri telah bercelaru di laman sosial dan blog peribadi sehingga menjadi rutin dan sebatu dalam komunikasi harian.

**Media Massa:** Selain itu, media massa juga dilihat sedikit sebanyak menjadi punca kepada modenisasi bahasa ini. Misalnya, bahasa dalam lagu-lagu yang diputarkan di radio, drama dan filem yang ditayangkan di televisyen atau iklan di dada akhbar sering menjadi ikutan Gen Z kini. Kebanyakannya, modenisasi bahasa digunakan untuk merancakkan industri hiburan tanah air agar lebih menarik dan memberi pulangan yang luwayan. Contoh, sedutan daripada Filem Hantu Kak Limah yang popular dengan kata 'cer cite' turut mempengaruhi responden.

**Pengetahuan yang lemah:** Modenisasi bahasa juga dipengaruhi oleh pengetahuan yang lemah oleh Gen Z. Mereka lebih terikut-ikut, berpengetahuan cetek dan tidak peka terhadap bahasa semasa berkomunikasi. Gen Z beranggapan bahawa bahasa mereka adalah tepat penggunaannya sebaliknya bahasa tersebut melanggar prinsip bahasa dan tidak membawa erti. Selalunya mereka akan menggunakan bahasa ini di kalangan rakan dan ini sangat menyakinkan mereka bahawa bahasa itu tepat dan tidak salah.

### **Objektif 3: Mengenalpasti kesan penggunaan bahasa moden terhadap bidang pendidikan**

#### **Kekeliruan bahasa:**

Modenisasi bahasa yang tidak terkawal atau yang tidak bertepatan akan mendatangkan kekeliruan bahasa kepada generasi masa hadapan. Dalam hal ini, generasi akan datang akan juga terbiasa menggunakan kata atau bahasa yang diungkapkan oleh generasi sebelumnya tanpa mengetahui kesan dan akibatnya. Bahasa lazim ini akan dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Dengan perkataan lain, bahasa ibunda akan terus mengalami evolusi tanpa sempadan serta mengelirukan dari segi sebutan, intonasi dan prinsip bahasa yang asli.

#### **Kemerosotan mutu bahasa ibunda**

Akhir-akhir ini, mutu Bahasa Melayu baku sama ada lisan atau tulisan terus merosot dan terabai. Khususnya dalam kalangan remaja masa kini yang mengikut trend semasa. Bersangkutan, mutu bahasa akan terus terkesan sekiranya modenisasi bahasa ini tidak dibendung penularannya. Bahasa moden ini akan menjadi sebatu kepada penggunanya. Mereka berkemungkinan menggunakan bahasa-bahasa yang digunakan semasa perbualan dalam tugas-tugas rasmi iaitu seperti penulisan semasa menjawab peperiksaan, penyediaan kertas kerja atau tugas yang diarahkan oleh pensyarah serta semasa berkomunikasi dalam majlis formal. Sistem pendidikan juga akan turut terkesan setelah mutu kualiti bahasa dalam kalangan pelajar semakin menurun dan tidak mustahil sekiranya mereka tidak dapat menguasai bahasa ibunda dengan baik dan tidak mengetahui bahasa baku dan perkataan yang sesuai digunakan untuk sesuatu perkara atau majlis.

#### **Peminggiran Bahasa Melayu:**

Bahasa Melayu dikenali kerana keindahannya. Modenisasi bahasa yang tidak terkawal akan menyebabkan Bahasa Melayu akan terus dipinggirkan. Umum mengetahui, Bahasa Melayu merupakan satu bahasa yang tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat Melayu. Ini kerana bahasa pertuturan masyarakat melayu adalah Bahasa Melayu. Peranan seperti

digunakan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa pentadbiran, bahasa pengantar, bahasa rasmi menjadikan Bahasa Melayu memainkan peranan penting. Oleh itu, modenasi bahasa yang tidak dipantau akan meleyapkan Bahasa Melayu suatu ketika nanti.

## **CADANGAN**

- a) Pensyarah perlu lebih peka dan menitikberatkan cara penyampaian khususnya berkaitan penggunaan kata dan bahasa yang digunakan, tatabahasa, ejaan, erti dalam lisan dan penulisan kepada pelajar semasa sesi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP). Pensyarah perlu menegur dan memperbetulkan kesilapan pelajar agar bahasa yang digunakan betul, tepat dan gramatis. Ini perlu diterapkan dari awal dan melibatkan semua modul atau kursus dan tidak terhad kepada Bahasa Kebangsaan A sahaja. Abd. Aziz Abd. Talib (2000:236) menyatakan bahawa pengajaran tatabahasa membolehkan pelajar-pelajar berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dengan baik. Pengetahuan dan kemahiran berkomunikasi ini membantu pelajar menghasilkan ayat yang gramatis dan berkomunikasi dengan berkesan. Hal ini akan mengelakkan penggunaan Bahasa Melayu yang tercemar dari segi tatabahasa.
- b) Bahasa Kebangsaan A juga boleh ditambah baik dengan memasukkan topik Kesalahan Bahasa Masa Kini yang sering digunakan oleh generasi sekarang di dalam silibus. Bukan itu sahaja, amali atau kajian lapangan boleh diberikan kepada pelajar agar mereka mengetahui kesesuaian sesuatu bahasa dan perkataan yang lazim atau bahasa baru yang digunakan terutamanya semasa urusan rasmi.
- c) Ibu bapa perlu memainkan peranan kerana bermula dari rumah Gen Z ini dilihat menggunakan bahasa moden semasa komunikasi. Pantauan ini perlu dilakukan menerusi sekatan atau mengehadkan perhubungan melalui media elektronik dan bukan elektronik. Ibu bapa juga perlu menasihatkan anak-anak untuk tidak menggunakan bahasa dan terjemahan yang salah yang boleh diperolehi semasa berkomunikasi dengan rakan, iklan-iklan, filem dan drama yang ditonton mereka.
- d) Pihak seperti DBP, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerajaan dan Pengamal-Pengamal Media perlu lebih memandang serius dan tindakan perlu diambil terhadap bahasa yang dimodenkan tanpa menilai ketepatan terlebih dahulu. Seperti contoh Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kerajaan perlu mengawal selia papan tanda dan memastikan pihak yang mengeluarkan iklan menggunakan bahasa yang betul. Manakala, sekatan terhadap filem dan drama yang menggunakan bahasa moden yang salah perlu dijalankan agar Bahasa Melayu yang ilmiah dan bermutu sahaja yang digunakan tanpa hanya memikirkan keuntungan semata-mata.

## **KESIMPULAN**

Teknologi canggih kini tidak dapat disekat atau ditahan dari terus berkembang. Kesan tempias ledakan teknologi kepada modenisasi bahasa yang dihadapi tidak boleh di berhentikan serta merta. Justeru, semua pihak yang berkepentingan perlu memainkan peranan masing-masing daripada semua sudut untuk bersama mencegah dan membendung virus modenisasi bahasa yang tidak bertepatan ini dari terus merebak. Teguran dan nasihat perlu kerap dipraktikkan dan disematkan dalam jiwa Gen Z dan generasi akan datang. Penggunaan bahasa moden yang digunakan untuk merencanakan industri hiburan tanah air perlu dikawal dan diambil sebagai hiburan semata-mata tetapi bukan dicampur aduk semasa komunikasi dan perkara-perkara rasmi.

## RUJUKAN

- Anderson, Margaret L. & Taylor. Howard F. (2013). *Sociology: The Essentials*. USA: Wadsworth.
- Muhammad Daud (11 September 2014). *Bahasa Slanga dan Remaja*. Diperolehi pada 20 Disember 2016 daripada <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/muhammad-daud/bahasa-slanga-dan-remaja-1.315632>
- Muhammad Daud (9 Julai 2015). *Bahasa Slanga di Media Sosial*.
- Nik Safiah Karim (1986). *Bahasa Melayu Persoalan dan Pergolakan*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn Bhd.
- Don Tapscott (2009) *Grown Up Digital*. The McGraw-Hill
- Doring, N. (2001). *Communicative functions of the SMS texts of German students*. (On-line). Diakses pada 29/7/2010 dari <http://www.nicolaoefing.de/publications/sms-kurzformen-doering-2002.pdf>.
- Fazren Amat Pandi. (2011). *Pencemaran Bahasa Dalam Kalangan Pelajar*. Diperolehi pada 21 Disember 2016 daripada <http://fazren91.blogspot.my/2011/11/pencemaran-bahasa-dalam-kalangan.html>  
<http://khairulabdullah.com/generasi-apakah-anda-x-y-atau-z/>  
<https://hasanuddinali.com/2016/02/16/gen-z-anak-kandung-internet/>
- Mack, et. Al. (2009). *Absolute poverty and global justice: empicial data, morak theories, initiatives*. Farham, Englang: Ashgate
- Masni Bujang. (2012). *Memartabatkan Bahasa Melayu*.
- MK Zainal. (5 November 2016). *Kamus Bahasa singkatan*. Diperolehi pada 21 Disember 2016 daripada <https://soscili.my/kamus-bahasa-singkatan-sms-we-chat-rujukan-semua/>
- Mohd Rashid Md Idris. *Memartabatkan Bahasa Melayu Melalui Pendidikan Dan Mendepani Cabaran Globalisasi*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Singkatan cemar bahasa?* (on-line). Diakses pada 28/7/2010 daripada <http://www.syahrnizam.com/009/03/singkatan-cemar-bahasa.html>
- Zulkarnain Farihin. (17 Mac 2017). *Kesan-Kesan Dan Cara-Cara Untuk Mengatasi Masalah Penggunaan Bahasa Rojak*. Diperolehi pada 25 Disember 2016 daripada <https://farihinzul1974.blogspot.my/2009/10/kesan-kesan-dan-cara-cara-untuk.html>